Tan Kar Loo lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-(13–24) TAHUN 2011
SAMSUDIN HASSAN PK
7 MAC 2012

B

Undang-Undang Jenayah — Pemalsuan — Pemalsuan cek — Tandatangan pada cek-cek tidak sama dengan contoh tandatangan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada kes prima facie berjaya dibuktikan — Sama ada elemen-elemen pertuduhan dipenuhi — Sama ada hukuman berpatutan — Kanun Keseksaan s 471

C

D

Perayu merupakan pengarah dan salah seorang rakan kongsi dalam syarikat Tiong Soon Mechanical Engineering Sdn Bhd. Pengadu ('SP1') dalam kes ini adalah salah seorang daripada tiga rakan kongsi syarikat tersebut. Apabila SP1 membuat semakan ke atas akaun syarikat di Public Bank dan Alliance Bank, dia mendapati bahawa terdapat penyelewengan wang syarikat dan mengesyaki perbuatan tersebut dilakukan oleh perayu iaitu orang yang bertanggungjawab mengendalikan akaun syarikat di pejabat. SP1 membuat laporan polis dan hasil pemeriksaan dengan akaun-akaun syarikat di Public Bank dan Alliance Bank mendapati bahawa terdapat banyak cek-cek syarikat dikeluarkan tanpa direkodkan di dalam buku daftar cek syarikat. Cek-cek yang dipertikaikan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia dan analisis oleh penganalisa dokumen ('SP7') mengesahkan bahawa kesemua tandatangan yang terdapat pada cek yang dipertikaikan tidak sama dengan contoh tandatangan yang diberikan. Di mahkamah sesyen, perayu telah dituduh di bawah s 471 Kanun Keseksaan ('Kanun') bagi kesalahan menggunakan cek-cek palsu dan di akhir kes pendakwaan, telah disabitkan kesalahan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman 12 tahun penjara. Tidak berpuas hati, perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman. Dalam rayuan ini, isu-isu yang dibangkitkan adalah sama ada satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan dan sama ada hakim mahkamah sesyen terkhilaf dalam menjatuhkan hukuman.

E

F

G

H

Diputuskan, menolak rayuan; mengekalkan sabitan dan menggantikan hukuman:

(1) Bagi pertuduhan di bawah s 471 Kanun, elemen-elemen kesalahan yang perlu dibuktikan adalah bahawa cek-cek berkenaan adalah palsu; perayu telah menggunakan cek-cek tersebut untuk memperdayakan pihak bank; perayu telah menggunakannya sebagai cek yang tulen; dan bahawa perayu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa cek-cek tersebut adalah palsu. Apabila, diteliti dan diamati secara terperinci keseluruhan

I

keterangan di peringkat pendakwaan ianya lengkap membuktikan elemen kesalahan di bawah s 471 Kanun (lihat perenggan 9–10).

(2) Dalam laporan kimia penganalisa dokumen, beliau berpendapat bahawa tandatangan yang dipertikaikan bukanlah yang ditulis oleh penulis contoh. Berdasarkan keterangan pakar tersebut maka Mahkamah merumuskan cek-cek adalah dipalsukan (lihat perenggan 16–17).

(3) Mahkamah merumuskan bahawa perayulah yang menggunakan cek-cek Alliance Bank dan Public Bank berkenaan memperdayakan bank-bank tersebut. Perayu bertanggungjawab dalam hal pentadbiran dan akaun dan pada sepanjang masa kejadian merupakan individu yang mempunyai kawalan dan pengetahuan terhadap buku cek syarikat berkenaan (lihat perenggan 18–19).

(4) Pegawai di Alliance Bank ('SP2') mengesahkan kesemua 20 keping cek Alliance Bank yang dipertikaikan mempunyai nama dan butiran-butiran dan tandatangan perayu di bahagian belakang cek. Cek telah dikeluarkan atas nama syarikat milikan tunggal perayu iaitu Tiong Soon Enterprise sedangkan menurut SP1 Syarikat Tiong Soon Mechanical Engineering tidak pernah berurusan dengan syarikat yang ditubuhkan perayu. Cek pula menunjukkan wang dibayar kepada perayu (lihat perenggan 18).

(5) Dengan ketiadaan rekod kesalahan lampau perayu berserta diambil kira usia dan latar belakang keluarganya maka diputuskan hukuman penjara 12 tahun bagi keseluruhan pertuduhan dalam kes ini agak keterlaluan. Oleh itu mahkamah memutuskan hukuman yang sewajar dan setimpal hendaklah dikenakan ke atas perayu iaitu hukuman penjara berjumlah 12 tahun kesemuanya dari tarikh sabitan digantikan dengan tujuh tahun penjara dari tarikh sabitan bagi kesemua 12 kes (lihat perenggan 50).

[English summary

The appellant was a director and one of the partners in Tiong Soon Mechanical Engineering Sdn Bhd. The complainant ('SP1'), in the present case, was one of the three partners in the company. When SP1 conducted a review on the accounts of the Public Bank and Alliance Bank, he discovered that there occasioned misappropriation of the company's monies and suspected that it was committed by the appellant who was the person responsible for handling the company's accounts in the office. SP1 filed a police report and upon examination of the company's accounts in Public Bank and Alliance Bank, it was found that many cheques were issued without being registered in the cheques register. The cheques in question were sent to the Chemistry Department of Malaysia and an analysis by documents analyst ('SP7') confirmed that the signatures appearing on the disputed cheques did not match with the specimens of the signatures prescribed. In the sessions court, the appellant was charged under s 471 of the Penal Code ('the Code') for the offence of forging cheques and at the end of the prosecution's case, was

convicted on the charge and sentenced to 12 years imprisonment. Dissatisfied, the appellant appealed against his conviction and sentence. In the present appeal, the issues raised were whether a prima facie case had been successfully made out and whether the sessions court judge erred in meting out the sentence.

Held, dismissing the appeal; maintaining the conviction and substituting the sentence:

(1) For the charge under s 471 of the Code the elements of the offence that must be proven were that the cheques were forged; that the appellant had used the cheques to deceive the bank; that the appellant had used them as genuine cheques; and that the appellant had reasons to believe that the cheques were forged. After scrutinising and analysing the evidence in its entirety in the prosecution level, it was sufficient to prove the elements of the offence under s 471 of the Code (see paras 9–10).

(2) In his chemical report of the documents, he averred that the disputed signature was not put down by the exemplary author. Based on the expert evidence, the court concluded that the cheques were forged (see paras 16–17).

(3) The court concluded that it was the appellant who had utilised the said cheques from Alliance Bank and Public Bank, deceiving the said banks. The appellant was responsible for the administration and accounts and during the incident, was the individual who had control and knowledge of the company cheque book (see paras 18–19).

(4) The officers at Alliance Bank ('SP2') testified that all 20 pieces of the Alliance Bank cheques in question had the appellant's name and details and signature at the back. The cheque had been issued in the name of the appellant's sole proprietorship company which was Tiong Soon Enterprise whereas according to SP1, Tiong Soon Mechanical Engineering had never dealt with the company established by the appellant. On the other hand, the cheques showed the payment of monies were made to the appellant (see para 18).

(5) In the absence of the appellant's record of previous convictions, taking into account together with his age and family background, it was held that 12 years imprisonment for all the charges in the present suit was excessive. Thus the court held that the appropriate and commensurate sentence must be imposed on the appellant's which was substituting the sentence of 12 years imprisonment from the date of conviction with seven years imprisonment from the date of the conviction for all 12 cases (see para 50).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pemalsuan secara umum, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 1006.

Kes-kes yang dirujuk

Chung Onn lwn Pendakwa Raya (No 42–1 Tahun 2009) (unreported) (dirujuk)
DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)
Harun bin Abdullah v PP [2009] 3 MLJ 337; [2009] 4 CLJ 717, MR (dirujuk)
Mohd Zaiham bin Maslan v PP [2009] 6 MLJ 737; [2010] 1 CLJ 1, MP (dirujuk)
PP v Abd Latif bin Sakimin [2005] 6 MLJ 351, MT (dirujuk)
PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561, MA (dirujuk)
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324 (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 (dirujuk)
Rosenizam bin Maharam v PP [2003] 5 MLJ 49, MT (dirujuk)
Tan Phak Tin v PP [2004] 8 CLJ 659, MT (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Keseksaan ss 465, 467, 471

KL Chee (KL Chee & Co) bagi pihak perayu.
Farah Ezlin Yusop Khan (Mohd Azlan Shah bin Allias bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak responden.

Samsudin Hassan PK:

PENDAHULUAN

[1] Latar belakang pertuduhan bermula pada 20 Julai 2007 bila mana perayu telah dituduh dengan 12 kes yang sama setiap satu kes mengandungi tiga pertuduhan yang dicatatkan sebagai pertuduhan pertama, kedua dan ketiga, kecuali satu kes (No 62–162 Tahun 2007) hanya terdapat satu pertuduhan sahaja kerana kesalahan menggunakan cek-cek Public Bank dan Alliance Bank, Cawangan Permas Jaya, yang mana perayu mempunyai sebab untuk mempercayai ianya adalah palsu dan sabit kesalahan boleh dihukum di bawah s 467 Kanun yang sama.

[2] Berikutnya pada 6 Januari 2010 pertuduhan-pertuduhan pindaan telah dikemukakan oleh responden sepertimana di eksh P75 dan dicatatkan sebagai Pertuduhan Pindaan Pertama sehingga Pertuduhan Pindaan Ketiga Puluh Empat. Seksyen kesalahan dan hukuman serta isi kandungan pertuduhan tetap

sama kecuali terdapat pindaan pada tarikh kejadian. Pertuduhan-pertuduhan pindaan tersebut telah dibaca dan diterangkan satu persatu kepada perayu dan beliau tetap minta dibicarakan.

[3] Seterusnya perbicaraan telah dijalankan di hadapan Tuan hakim Mahkamah Sesyen Jenayah, Johor Bahru, Johor, pada masa itu. Setelah responden menutup kes maka kedua-dua pihak telah mengemukakan hujah masing-masingnya. Pada 17 Februari 2010 Tuan hakim mahkamah sesyen itu telah memutuskan responden berjaya membuktikan 'prima facie' kes terhadap perayu di bawah kesemua 34 pertuduhan-pertuduhan pindaan dan lantas memanggil beliau untuk membela diri. Setelah mendengar keterangan saksi-saksi pembelaan dan hujah kedua-dua pihak maka Tuan hakim mahkamah sesyen yang mendengar kes ini telah bersara sebelum memberi keputusan kes ini.

[4] Turutan daripada itu Puan hakim Mahkamah Sesyen Jenayah (2), Johor Bahru, Johor, yang mengambil alih kes ini dipersetujui oleh kedua-dua pihak perayu dan responden untuk menyampaikan keputusan kes setelah mereka memasukkan hujahan tambahan.

[5] Pada 27 Januari 2011 setelah mendengar dan membaca hujahan tambahan kedua-dua pihak itu maka Puan hakim Mahkamah Sesyen Jenayah (2) tersebut memutuskan perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan dan lalu mendapati perayu bersalah lantas mensabitkan beliau dengan kesemua 34 pertuduhan-pertuduhan pindaan di bawah s 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah s 465 Kanun yang sama. Perayu telah dikenakan 12 tahun penjara dari tarikh sabitan bagi kesemua 34 pertuduhan-pertuduhan pindaan berkenaan.

[6] Perayu yang tidak berpuas hati dengan sabitan dan hukuman itu telah memasukkan rayuan di Mahkamah Tinggi ini.

PERTUDUHAN

[7] 34 pertuduhan pindaan yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti eksh P75 di ms 207–218 rekod rayuan kes.

FAKTA RINGKAS KES

[8] Fakta ringkas kes adalah seperti berikut:

(a) perayu adalah merupakan salah seorang pengarah dan rakan kongsi dalam syarikat Tiong Soon Mechanical Engineering Sdn Bhd (rujuk eksh P1, P22 dan P77);

A (b) tiga rakan kongsi beliau yang lain terdiri dari Chong Sho Siong ('SP4'), Goh Sai Hiang dan pengadu dalam kes ini iaitu Tan Jin Soon ('SP1') juga rujuk eksh P1, P22 dan P77);

(c) pada 6 Disember 2005 SP1 telah membuat laporan polis iaitu eksh P23 berhubung penyelewengan wang syarikat tersebut setelah beliau membuat semakan akaun syarikat di Public Bank dan Alliance Bank;

B

(d) SP1 mengesyaki perbuatan tersebut dilakukan oleh perayu memandangkan dialah orang yang bertanggungjawab mengendalikan akaun syarikat di pejabat;

C (e) SP1 mendapati hasil pemeriksaan dengan akaun syarikat di Public Bank dan Alliance Bank terdapat banyak cek-cek syarikat dikeluarkan tanpa direkodkan ke dalam buku daftar cek syarikat (rujuk eksh P3);

(f) SP1 dan SP4 menafikan ada menandatangani cek-cek tersebut (rujuk letter of consent/authorisation di eksh P35);

D

(g) cek-cek yang dipertikaikan (rujuk eksh P5–P12 dan P37–P44 dan P48–P56 dan akhirnya P60–P68) bersama-sama contoh tandatangan SP1 dan SP4 (rujuk P24, P34, P69, P70, P71 dan P76) telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia oleh pegawai penyiasat C/Insp Maslinda bt Rosli (SP6); dan

E

(h) analisis telah dijalankan oleh Encik Wong Kong Yong ('SP7') dan beliau mengesahkan kesemua tandatangan yang terdapat pada cek yang dipertikaikan tidak sama dengan contoh tandatangan yang diberikan (rujuk ekshibit laporan kimia P82).

F

ALASAN RAYUAN

G **[9]** Antara alasan-alasan penting yang dikemukakan oleh peguambela bijaksana perayu bagi menyokong rayuannya terhadap sabitan dan hukuman adalah seperti berikut:

(a) Puan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak mengambil kira isu utama mengenai siapakah yang menggunakan dan menunaikan cek-cek berkenaan yang menjadi elemen utama yang perlu dibuktikan di bawah s 471 Kanun Keseksaan;

H

(b) Puan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak mengambil kira bahawa pihak pendakwaan telah gagal memanggil pegawai bank / teller yang bertugas di kaunter yang terlibat ketika cek ditunaikan yang mana hanya saksi tersebut yang boleh mengesahkan bahawa perayu yang menunaikan cek-cek tersebut. Dengan kegagalan tersebut telah wujudnya satu lompongan yang amat material di dalam keseluruhan kes pendakwaan;

I

(c) Puan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak mengambil kira bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes 'beyond reasonable doubt' ke atas perayu di sini; dan

(d) Puan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila menjatuhkan hukuman satu tahun penjara dari tarikh sabitan bagi pertuduhan di bawah s 471 Kanun Keseksaan yang telah dijatuhkan ke atas perayu.

Alasan-alasan di atas dibincangkan seperti di bawah berikut:

Alasan pertama

[10] Isu ini berkisar kepada beban pembuktian pihak pendakwaan untuk menimbulkan satu prima facie kes terhadap perayu. Kalau diteliti dan diamati secara terperinci keseluruhan keterangan di peringkat pendakwaan ianya lengkap membuktikan elemen kesalahan di bawah s 471 Kanun Keseksaan.

[11] Bagi pertuduhan di bawah seksyen ini elemen-elemen kesalahan yang perlu dibuktikan ialah:

(a) cek-cek berkenaan adalah palsu;

(b) perayu telah menggunakan cek-cek tersebut untuk memperdayakan pihak bank;

(c) perayu telah menggunakannya sebagai cek yang tulen; dan

(d) perayu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa cek-cek itu adalah palsu.

Elemen pertama

Cek-cek berkenaan adalah palsu:

[12] Dibuktikan melalui Wong Kong Yong (SP7) iaitu seorang penganalisa dokumen (*Document Examiner*) di Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya.

[13] SP7 menerima 20 cek Alliance Bank dan juga 14 cek Public Bank berserta contoh tandatangan Tan Jin Soon (SP1) ditanda sebagai S1 dan contoh tandatangan Chong Sho Siong (SP4) ditanda sebagai S2 untuk menjalankan analisis tandatangan yang dipertikaikan.

[14] Hasil pemeriksaan tersebut SP7 dapati tandatangan pada X1—X28 adalah berbeza dengan contoh tandatangan S1 kepunyaan Tan Jin Soon (SP1). Bagi tandatangan pada X29—X72 pula adalah juga didapati ciri-ciri yang berbeza dengan contoh tandatangan S2 kepunyaan Chong Sho Shiong (SP4).

[15] Jadi SP7 memutuskan ciri-ciri perbezaan lebih ketara daripada ciri-ciri persamaan bagi kedua-dua pemeriksaan dan perbezaan tersebut adalah yang material atau 'significant' mengikut karektor tulisan Cina.

[16] Oleh itu SP7 di dalam laporan kimianya P87 berpendapat bahawa tandatangan yang dipertikaikan pada X1—X72 bukanlah yang ditulis oleh penulis contoh iaitu SP1 dan SP4.

[17] Berdasarkan keterangan pakar tersebut maka mahkamah merumuskan cek-cek sepertimana disenaraikan di dalam eksh P85 adalah dipalsukan.

Elemen kedua

Perayu yang menggunakan cek-cek tersebut untuk memperdayakan pihak bank:

[18] Ini berdasarkan keterangan mengikut keadaan (*circumstancial evidence*) di mana SP1 menyatakan pada tahun 2005 beliau bekerja di Tiong Soon Mechanical Engineering Sdn Bhd sebagai pengarah syarikat. Perniagaan tersebut dikongsi bersama-sama SP4, Goh Sah Hiang dan perayu. Di syarikat itu perayu bertanggungjawab dalam hal pentadbiran dan akaun. Manakala SP1, SP4 dan Goh Sah Hiang bekerja di bengkel sahaja. Syarikat Tiong Soon Mechanical Engineering ada mempunyai akaun di dalam Public Bank dan Alliance Bank. SP2 dan SP5 menyatakan pengeluaran wang syarikat memerlukan mana-mana dua orang pengarah syarikat untuk tandatangani cek tersebut. Buku cek syarikat dipegang oleh perayu. SP3 yang juga terlibat dalam pentadbiran syarikat menjelaskan bahawa beliau tidak pernah menyimpan buku cek dan tidak tahu di mana perayu simpannya. Bilik perayu sentiasa berkunci sekiranya beliau tidak ada di dalam bilik. SP2 mengesahkan bahawa kesemua 20 keping cek-cek Alliance Bank yang dipertikaikan ditunaikan oleh perayu berdasarkan butiran yang terdapat di bahagian belakang dokumen tersebut. Begitu juga SP5 mengesahkan tandatangan perayu ada di bahagian belakang 14 keping cek Public Bank yang dipertikaikan. Lagipun ada terdapat cek tunai ('P11') yang telah dibayar kepada syarikat Tiong Soon Enterprise milikan tunggal dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('P22') di atas nama perayu.

[19] Daripada fakta di atas itu jelas menunjukkan bahawa perayu pada sepanjang masa kejadian merupakan individu yang mempunyai kawalan dan pengetahuan terhadap buku cek syarikat berkenaan. Di dalam kes *Harun bin Abdullah v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 337; [2009] 4 CLJ 717 Yang Arif Dato' Suriyadi Halim Omar, Hakim Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

> Regretfully for the appellant the learned judge also concluded that SP2 was not an accomplice, for the charge against the appellant was one of forging or falsifying the specific document, of which at all relevant times was well within the custody and knowledge of the appellant and none others. Having sifted the evidence we found no evidence to show that the judge's factual finding on this issue was erroneous.

[20] Adalah juga diamati bahawa kegagalan perayu untuk menyoal balas saksi pendakwaan berhubung dengan fakta yang penting menjadikan keterangan saksi-saksi berhubung dengan perkara itu adalah diterima oleh pihak pembelaan. Perkara ini telah dinyatakan di dalam kes *Mohd Zaiham bin Maslan v Public Prosecutor* [2009] 6 MLJ 737 di ms 737; [2010] 1 CLJ 1 12(c) di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa:

> It is my view that as SP9 had stated in evidence that he had explained the caution to the appellant the burden is on the appellant to cross-examine SP9 as to the form and manner of explanation given by him. On this point I would like to state here that it is an accepted principle of law that failure by the accused to cross-examine the prosecution witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony (see the case of *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138).

[21] Oleh demikian mahkamah merumuskan perayulah yang menggunakan cek-cek Alliance Bank dan Public Bank berkenaan memperdayakan bank-bank tersebut.

Elemen ketiga

Perayu menggunakan cek bank-bank tersebut sebagai cek yang tulen:

[22] Berhubung beban pembuktian elemen ini maka prinsip yang diputuskan di dalam kes *Tan Phak Tin v Public Prosecutor* [2004] 8 CLJ 659 di ms 4 adalah dirujuk seperti berikut:

> However s 471 is different. Here the prosecution must prove that the appellant fraudulently or dishonestly used as genuine, the four resolutions which she knew or had reason to believe were forged. In other words under s 471 there was no burden on the prosecution to show that the appellant had forged the said documents. The appellant ought to have been charged either under s 468 or under 471.

[23] Bukti-buktinya ialah SP2 sebagai pegawai di Alliance Bank menyatakan bahawa Syarikat Tiong Soon Mechanical Engineering ada mempunyai akaun di bank tersebut. SP2 juga merujuk kepada 'specimen card' ('P34') yang menunjukkan bahawa mana-mana dua orang daripada pengarah syarikat itu boleh menandatangani cek-cek yang ingin dikeluarkan oleh syarikat berkenaan. SP2 juga mengesahkan kesemua 20 keping cek Alliance Bank yang

A dipertikaikan mempunyai nama perayu di bahagian belakang cek. Nama perayu merujuk kepada pembawa cek berkenaan ke bank.

[24] SP5 pula adalah penolong pengurus Public Bank cawangan Permas Jaya dan beliau memberi keterangan bahawa tandatangan perayu terdapat pada bahagian belakang cek-cek yang dipertikaikan.

[25] Dalam hal ini mahkamah juga merumuskan perayulah yang menggunakan cek bank-bank berkenaan sebagai cek yang tulen.

Elemen keempat

Perayu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa cek-cek itu adalah palsu:

[26] Ini dibuktikan melalui keterangan-keterangan berikut:

(a) perayu adalah satu-satunya individu yang mempunyai akses kepada buku cek syarikat;

(b) butiran perayu tertera pada kesemua cek-cek Alliance Bank yang ditunaikan;

(c) tandatangan perayu tertera pada setiap cek tunai yang terdapat pada cek-cek Public Bank;

(d) cek ('P11') telah dikeluarkan atas nama syarikat milikan tunggal perayu iaitu Tiong Soon Enterprise. Berkait hal ini SP1 juga menyatakan syarikat Tiong Soon Mechanical Engineering tidak pernah berurusan dengan syarikat yang ditubuhkan perayu;

(e) cek ('P21') pula menunjukkan wang dibayar kepada Tan Kar Loo iaitu perayu; dan

(f) terdapat juga pada cek-cek tunai ini tertera nombor kad pengenalan perayu.

[27] Dengan kehadiran keterangan-keterangan di atas itu maka mahkamah berpuashati maka lengkaplah pembuktian bahawa perayu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa cek-cek itu adalah palsu.

[28] Keempat-empat elemen atau 'ingredient' telah berjaya dibuktikan dengan keterangan-keterangan dokumentar dan melalui saksi-saksi pendakwaan SP1—SP7. Dengan adanya 'ingredient' tersebut maka isu siapakah yang menggunakan dan menunaikan cek-cek Alliance Bank kepunyaan Syarikat Tiong Soon Mechanical Engineering Sdn Bhd dengan sendirinya telah terjawab.

[29] Mahkamah juga amati keterangan saksi-saksi pendakwaan iaitu SP1—SP7 adalah mantap dan konsisten dan tidak pernah pada bila-bila masa pun menunjukkan percanggahan antara satu sama lain dan wajarlah dirumuskan bahawa kredibiliti mereka amat meyakinkan dan boleh dipercayai kebenaran segala kenyataan diluahkan mereka sepanjang masa perbicaraan. Oleh itu pendakwaan tidak perlu memanggil kesemua 'tellers' di Alliance Bank dan Public Bank untuk mengesahkan bahawa perayulah yang menunaikan cek-cek tersebut kerana terdapat adanya empat keterangan langsung butiran perayu di atas cek-cek P8, P11, P21 dan P88 serta gabungan 28 lagi cek-cek yang boleh dikaitkan dengan perayu berasaskan keterangan mengikut keadaan. Jadi tanpa memanggil 'tellers' tidak bermakna pendakwaan 'suppress evidence' mewajarkan kewujudan satu lompongan (*gap*) yang amat material untuk 'adverse inference' di bawah s 114(g) Akta Keterangan terpakai. Sesungguhnya tanpa 'tellers' memberi keterangan tidak sekali-kali menggugat kes pendakwaan dan memadailah dengan bergantung kepada tujuh orang saksi pendakwaan sahaja.

[30] Merujuk kepada alasan penghakiman dan keterangan kes keseluruhannya jelas menunjukkan Puan majistret adalah betul apabila memutuskan pendakwaan berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu lalu wajar memanggilnya untuk membela diri.

PEMBELAAN PERAYU

[31] Perayu memilih untuk memberi keterangan bersumpah di dalam kandang saksi semasa pembelaan.

[32] Beban pembuktian sentiasa di bahu pihak pendakwaan di peringkat ini adalah untuk membuktikan satu kes terhadap perayu pada tahap melampaui keraguan munasabah. Namun pihak perayu adalah hanya untuk menimbulkan satu keraguan yang munasabah ('reasonable doubt') terhadap keterangan kes pendakwaan.

[33] Maksud 'reasonable doubt' telah dinyatakan di dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 (di ms 17 (MLJ) 116 (CLJ)) di mana telah diputuskan:

> A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence

[34] Mahkamah amati dari ms 93–101 rekod rayuan alasan-alasan pembelaan perayu berkisar kepada perkara-perkara berikut:

(a) menafikan pernah nampak 20 cek Alliance Bank dan 14 cek Public Bank yang berkenaan;

A (b) menafikan pernah menandatangani di mana-mana bahagian pada cek tersebut;

(c) menafikan ada nama beliau pada cek-cek tersebut; dan

(d) menafikan beliau ada pergi ke Alliance Bank dan Public Bank untuk
B tunaikan cek-cek tersebut.

[35] Perayu mengungkap pembelaannya di atas hanya dalam tiga perenggan sahaja sepertimana di ms 93 rekod rayuan. Dalam keadaan sedemikian mahkamah merumuskan perayu langsung tidak memberi penjelasan
C pembelaannya yang meyakinkan melainkan hanya sekadar memberi satu bentuk 'denial' sahaja bahawasanya beliau tidak ada kaitan langsung dengan cek-cek kesalahan tersebut. Mahkamah Persekutuan dalam kes *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195 telah mengatakan mengenainya seperti di bawah berikut:

D

> The defence was in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came, in our view, to the correct conclusion that his denial did not cast a doubt on the prosecution case against the appellant.

E

[36] Prinsip yang sama juga telah diputuskan oleh Yang Arif Hakim Yusof Mohamed (beliau ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324 sepertimana di petikan di bawah berikut:

F

> The burden of rebutting this presumption can be said to be discharged by a defence as being reasonable and probable. A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient.

G **[37]** Mahkamah juga memerhatikan perayu mula mencabar keterangan saksi-saksi pendakwaan kerana kegagalan mengambil contoh tandatangan beliau untuk dibandingkan dengan tandatangan di bahagian belakang 34 cek-cek Alliance Bank dan Public Bank cuma dalam penghujahan pembelaannya.

H

[38] Perkara ini langsung tidak dicabar oleh perayu kepada mana-mana saksi pendakwaan semasa di peringkat pendakwaan.

[39] Dalam kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561
I Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa jika satu pembelaan hanya ditimbulkan ketika OKT memberi keterangan bersumpah maka pembelaan tersebut dikatakan tersimpan 'up his sleeves' dan oleh itu merupakan satu 'recent invention' menyebabkan pihak pendakwaan tertangkap dengan kejutan sebegitu.

[40] Jelaslah pembelaan perayu adalah terlalu lewat dibangkitkan sejajar dengan prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Agung di atas dan ini amatlah memprejudiskan pihak pendakwaan. A

[41] Pendirian ini juga disokong di dalam kes *Rosenizam bin Maharam v Public Prosecutor* [2003] 5 MLJ 49 di mana YA Hakim Low Hop Bing telah memutuskan persoalan-persoalan yang tidak ditanya kepada saksi-saksi pendakwaan serta isu-isu yang tidak dihujahkan oleh pembelaan di akhir kes pendakwaan akan menjadi satu bentuk 'recent invention' atau 'afterthought' jika ditimbulkan lewat iaitu ketika OKT sendiri memberikan pembelaannya dari kandang saksi menyebabkan pihak pendakwaan dikejutkan atau 'taken by surprise'. B C

[42] Oleh demikian mahkamah merumuskan bahawa keterangan pembelaan yang ditimbulkan lewat tidak boleh membawa 'weight' berbanding dengan satu pembelaan yang telah diletakkan oleh perayu seawal mungkin iaitu semasa di dalam keterangan saksi-saksi kes pendakwaan lagi. D

[43] Akibat daripada kegagalan pihak pembelaan menyoal balas saksi-saksi pendakwaan pada fakta yang material menunjukkan penerimaan perayu pada keterangan tersebut sepertimana yang diputuskan di dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138 yang mana YM Raja Azlan Shah (pada masa itu) telah mengulas seperti berikut: E

> Mr Jagjit Singh also raised as one of his main grounds of appeal that the trial judge erred in law when he held that the failure of the defence to cross-examine the two prosecution witnesses on the ammunition actually found in the trouser pockets of the appellant at the time of his arrest (the subject-matter of the third charge) constituted a clear admission of the charge of possession by the appellant. We consider that statement of the law as a misdirection. A correct statement of the law is that failure of the defence to cross-examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony, to wit, the fact that they found the ammunition in the appellant's trouser pockets remains unshaken. On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony. F G

H

[44] Mahkamah juga menilai secara maksimum segala isu-isu dibangkitkan di peringkat prima facie ini dan adalah didapati tiada sebarang keterangan yang boleh menunjukkan mana-mana saksi pendakwaan mempunyai niat untuk menganiayai perayu dan dalam hal ini dirujuk keputusan Yang Arif Hakim Dato' Azhar Mohamed dalam kes *Public Prosecutor v Abd Latif bin Sakimin* [2005] 6 MLJ 351 seperti berikut: I

> Now, the accussed had presented a differing version of how the drugs were recovered from him. It was the case for the prosecution that the drugs were actually found in exh P7A tucked at his waist. On the other hand it was the accussed's version that the

A drugs were found in a black plastic bag held in the accussed's right hand. I had already dealt with the credibility of PW4 and PW5 at the close of the case for the prosecution. The credibility of these witnesses requires assessment in the light of the differing versions. To my mind, such a serious allegation by the accussed as to the manner and the circumstances in which the drugs were actually recovered from him tantamount to a grave accusation of fabrication by the police to frame up the B accussed. However, there is no evidence at all to point a reason or motive why PW4 and PW5 would want to fabricate the evidence to frame up the accussed.

[45] Atas alasan-alasan yang diperincikan di atas itu maka mahkamah akur C dengan dapatan Tuan hakim perbicaraan bahawa pembelaan perayu hanyalah penafian semata-mata dan penuh dengan 'afterthought' dan itu amat tidak meyakinkan dan sekaligus gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

D **[46]** Jadi secara kumulatifnya pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah bagi pertuduhan ke atas perayu dalam kes ini. Dengan itu wajarlah perayu di sini didapati bersalah dan dikekalkan sabitan terhadap pertuduhannya.

E **[47]** Mengenai hukuman pula, saya akur dengan dapatan Puan hakim perbicaraan bahawa hukuman bagi pertuduhan di bawah s 471 Kanun Keseksaan adalah sepatutnya di bawah s 465 Kanun yang sama. Sepertimana yang diputuskan dalam kes rayuan jenayah *Chung Onn lwn Pendakwa Raya* oleh Mahkamah Tinggi Temerloh, Pahang No 42–1 Tahun 2009 yang mana F pesalah boleh dikenakan dua tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali dan bukanlah di bawah s 467 Kanun Keseksaan sepertimana dinyatakan di dalam pertuduhan pindaan ke atas perayu.

G **[48]** Puan hakim perbicaraan telah menjatuhkan hukuman penjara kesemuanya selama 12 tahun dari tarikh sabitan bagi keseluruhan 12 kes yang merangkumi 34 pertuduhan pindaan tersebut.

[49] Walau bagaimanapun, setelah meneliti alasan penghakiman Puan H hakim perbicaraan di ms 46 rekod rayuan kes adalah diamati beliau terlampau menumpukan fakta-fakta yang boleh memberatkan hukuman sahaja dan terus mengabaikan fakta-fakta mitigasi yang boleh meringankan atau mengurangkan hukuman berkenaan.

I **[50]** Lagipun mahkamah perhatikan hukuman penjara maksima yang boleh dikenakan ke atas perayu di bawah s 465 Kanun Keseksaan hanyalah dua tahun sahaja. Jadi dengan ketiadaan rekod kesalahan lampau perayu berserta diambil kira usia dan latar belakang keluarga beliau maka diputuskan hukuman penjara 12 tahun bagi keseluruhan pertuduhan dalam kes ini agak keterlaluan. Oleh itu

mahkamah memutuskan hukuman yang sewajar dan setimpal hendaklah dikenakan ke atas perayu.

KEPUTUSAN

[51] Atas alasan-alasan tersebut maka mahkamah dengan ini menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan terhadapnya di bawah s 471 Kanun Keseksaan bagi keseluruhan 12 kes yang merangkumi 34 pertuduhan pindaan tersebut.

[52] Mengenai hukuman mahkamah memutuskan peruntukan di bawah s 465 Kanun Keseksaan adalah berkenaan dan bukannya di bawah s 467 Kanun yang sama. Oleh itu hukuman penjara berjumlah 12 tahun kesemuanya dari tarikh sabitan digantikan dengan tujuh tahun penjara dari tarikh sabitan bagi kesemua 12 kes yang merangkumi 34 pertuduhan pindaan itu sepertimana di eksh P75 di ms 207–218 rekod rayuan kes.

Rayuan ditolak; sabitan dikekalkan dan hukuman digantikan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor